

KEGIATAN CUCI KERETA TANPA KEBENARAN DIHENTIKAN

Jabatan Perancangan Bandar dan Desa (TCP) telah mengambil tindakan penguatkuasaan terhadap sebuah syarikat cuci kereta tanpa kebenaran yang dijalankan di dalam salah satu bangunan komersial di Mukim Berakas. Syarikat tersebut telah melakukan kesalahan di bawah Seksyen 23(2) Akta Perancangan Bandar dan Desa, Penggal 248 iaitu menjalankan kegiatan tanpa Kebenaran Perancang khususnya mendapatkan kebenaran bagi perubahan penggunaan bangunan komersial kepada kegiatan perusahaan ringan.

Bangunan komersial adalah dirancang untuk menyokong aktiviti perniagaan secara teratur dan mampan, dengan mengambil kira kesesuaian guna tanah, pengurusan alam sekitar, aliran trafik serta keselesaan awam. Dalam pada itu, aktiviti cuci kereta tanpa kelulusan seperti ini boleh menjejaskan objektif perancangan yang telah ditetapkan bagi kawasan berkenaan. Selain itu, aktiviti ini juga boleh mendatangkan kesan negatif terhadap persekitaran sekeliling, termasuk isu pengurusan pelepasan air, gangguan trafik serta ketidakteraturan kawasan perniagaan.

Hasil pemeriksaan serta pemantauan berterusan oleh Jabatan, pemilik syarikat telah memberhentikan kegiatan tanpa kebenaran tersebut dan unit kedai serta persekitaran juga telah dibersihkan daripada peralatan berkaitan.

Jabatan Perancangan Bandar dan Desa ingin mengingatkan orang ramai bahawa sebarang bentuk pembangunan, pembinaan atau perubahan penggunaan bangunan yang dijalankan tanpa Kebenaran Perancangan merupakan suatu kesalahan di bawah Seksyen 23 Akta Perancangan Bandar dan Desa, Penggal 248. Ini termasuk pengoperasian perniagaan cucian kereta, sama ada secara sementara atau kekal, tanpa kelulusan terlebih dahulu daripada Pihak Berkuasa Perancangan.

Kegagalan untuk mematuhi peruntukan Akta ini boleh dikenakan tindakan penguatkuasaan, termasuk denda sehingga BND 200,000, dan bagi kesalahan yang berterusan, denda tambahan sehingga BND 10,000 bagi setiap hari kesalahan diteruskan selepas sabitan.

Bagi sebarang pertanyaan, aduan atau nasihat perancangan, orang ramai boleh menghubungi talian hotline Jabatan Perancangan Bandar dan Desa **di 8200 222**.